

bukan sahaja mengelirukan tetapi juga merupakan satu perbuatan yang nakal. Ia juga menuduh, sekurang-kurangnya dengan menyinder, bahawa ahli-ahli penyokong Kerajaan boleh melaung sekuat-kuat hati mereka dalam Dewan ini, tetapi mereka tidak akan dihiraukan oleh Kerajaan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda itu sepatutnya tahu, bahawa perkara ini tidaklah benar. Tegoran-tegoran dan pandangan-pandangan ahli-ahli penyokong Kerajaan kebanyakannya adalah dihargai oleh Kerajaan, dan sekiranya di dapati membina, biasanya di laksanakan.